

ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2022

PANDUAN PENYERTAAN

**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
d/a JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
ARAS 5, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.
TEL : 603-8000 8000
FAKS : 603-8889 2354**



**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2022

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara dianjurkan oleh Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP). Majlis anugerah ini diadakan setiap tahun bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada organisasi dan individu yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta prestasi cemerlang di dalam pelaksanaan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja mereka.
- 1.2 Pengiktirafan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjadikan tempat kerja di Malaysia selamat dan sihat serta bagi menjadikan amalan kerja yang selamat dan sihat sebagai sebahagian daripada budaya rakyat Malaysia.

2.0 KATEGORI ANUGERAH

Anugerah adalah terbuka bagi penyertaan kepada pelbagai industri di Malaysia. Terdapat Sembilan (9) kategori anugerah utama yang diberikan kepada organisasi yang menunjukkan rekod pencapaian yang cemerlang dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Kategori anugerah adalah seperti berikut :-

2.1 Anugerah Tempat Kerja

- 2.1.1 Anugerah Elektrik/Elektronik;
- 2.1.2 Anugerah Petroleum/Gas/Kimia;
- 2.1.3 Anugerah Lain-lain Industri;
- 2.1.4 Anugerah Perusahaan Kecil dan Sederhana
- 2.1.5 Anugerah Perlombongan dan Penguarian;
- 2.1.6 Anugerah Pembinaan (Binaan Kejuruteraan);
- 2.1.7 Anugerah Pembinaan (Kendalian Bangunan)
- 2.1.8 Anugerah Pertanian;
- 2.1.9 Anugerah Perhutanan;
- 2.1.10 Anugerah Perikanan;
- 2.1.11 Anugerah Kemudahan (Pembekalan Elektrik);
- 2.1.12 Anugerah Kemudahan (Air);
- 2.1.13 Anugerah Kemudahan (Gas);
- 2.1.14 Anugerah Kemudahan (Kebersihan);
- 2.1.15 Anugerah Pengangkutan (Pengangkutan Awam, Bas, Udara & Keretapi);
- 2.1.16 Anugerah Penyimpanan (Gudang Penyimpanan);
- 2.1.17 Anugerah Komunikasi (Komunikasi, Satelit & *Internet Services Provider*);
- 2.1.18 Anugerah Perdagangan Borong dan Runcit;
- 2.1.19 Anugerah Hotel
- 2.1.20 Anugerah Restoran

- 2.1.21 Anugerah Kewangan
- 2.1.22 Anugerah Insuran
- 2.1.23 Anugerah Harta Tanah
- 2.1.24 Anugerah Perkhidmatan Perniagaan; dan
- 2.1.25 Anugerah Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.2 Anugerah Tokoh (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan);
- 2.3 Anugerah Media;
- 2.4 Anugerah Wartawan;
- 2.5 Anugerah Mentor-Mentee;
- 2.6 Anugerah Sekolah (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan);
- 2.7 Anugerah Institut Pengajian Tinggi (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), dan
 - Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS) atau IKBN
- 2.8 Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
 - 2.8.1 Sektor Awam
 - 2.8.2 Sektor Swasta
- 2.9 Anugerah Teknologi dan Inovasi (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
 - 2.9.1 Sektor Awam
 - 2.9.2 Sektor Swasta

3.0 KRITERIA PEMILIHAN CALON PENERIMA ANUGERAH

- 3.1 KATEGORI TEMPAT KERJA, MENTOR-MENTEE, SEKOLAH DAN INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)
 - 3.1.1 Anugerah ini diberikan kepada organisasi yang telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja dan mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
 - 3.1.2 Prestasi pencapaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja akan dinilai bagi tempoh sepanjang Tahun 2022.
 - 3.1.3 Kriteria penilaian adalah seperti berikut :
 - Mempunyai Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkesan;
 - Mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang aktif dan efektif;
 - Menyedia dan melaksana Pelan Tindakan Kecemasan yang efektif; dan
 - Mempunyai rekod kemalangan yang baik serta tiada kemalangan maut, penyakit perusahaan atau hilang upaya kekal sepanjang tahun 2022 dan juga sehingga tempoh proses audit selesai dilaksanakan.
 - Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Sistem Pencapaian *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SoHELP)* yang cemerlang ditempat kerja.
 - 3.1.4 Proses Penilaian
 - Penilaian pertama – Pemohon akan dinilai oleh Pegawai penilai yang telah dilantik di pejabat JKKP Negeri;
 - Kriteria penilaian bagi penilaian pertama adalah seperti Lampiran A
 - Semua permohonan akan disenarai pendek (*shortlisted*) berdasarkan kepada hasil taklimat, senarai semak dan dokumen/maklumat sokongan yang dikemukakan oleh pihak yang dinilai;
 - Penilaian Kedua – satu sesi audit secara fizikal (bergantung pada keadaan semasa) di tempat kerja yang telah disenarai pendek akan diadakan

- Proses pengauditan akan dijalankan oleh juruaudit yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- Kekserapan proses pengauditan di tempat kerja akan ditetapkan oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- Semua proses penilaian dan audit perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mana-mana agensi yang terlibat.
- Tarikh penilaian pertama dan audit fizikal di tempat kerja akan dimaklumkan oleh juruaudit;
- Dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan kepada juruaudit semasa penilaian dijalankan.

3.2 KATEGORI TOKOH (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)

3.2.1 Anugerah ini diberikan kepada individu (perseorangan) yang mempunyai pencapaian rekod yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan dan antarabangsa.

3.2.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut :

- Calon adalah Warganegara Malaysia;
- Menjadi penggerak (*initiator*) kepada program-program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa;
- Sedang atau pernah bergiat cergas di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa dalam memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- Pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel berkaitan dengan keselamatan dan Kesihatan pekerjaan; dan
- Lain-lain sumbangan (berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan).

3.2.3 Proses Penilaian

Penilaian calon akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Borang permohonan penyertaan hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang berkaitan. Sila nyatakan maklumat peribadi seperti gambar passport, no. kad pengenalan, alamat surat menyurat, no. telefon, no. Faks, nama organisasi, jawatan terakhir dan kelulusan akademik tertinggi.

3.3 KATEGORI MEDIA

3.3.1 Anugerah ini diberikan kepada media yang telah menunjukkan komitmen dan kerjasama yang tinggi di dalam menangani dan mempromosikan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.3.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut :

- Mempunyai Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkesan;
- Mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang aktif dan efektif;
- Media yang paling banyak memberi liputan serta paling meluas di dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Menyiarkan berita atau artikel berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- Membantu di dalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.3.3 Proses Penilaian

- Penilaian calon akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Semua penyertaan akan di nilai melalui dokumen sokongan seperti rekod penyiaran, salinan berita atau artikel serta dokumen lain yang berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pemohon dikehendaki memuatnaik dokumen seperti di lampiran B pada pautan yang disediakan pada *google form*.

3.4 KATEGORI WARTAWAN

3.4.1 Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang telah menunjukkan komitmen dan kerjasama yang tinggi di dalam menangani dan mempromosikan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.4.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut :

- Mestilah Warganegara Malaysia;
- Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang terlibat secara langsung dalam liputan atau menerbitkan artikel serta berita yang paling banyak tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada negara ini di dalam media masing-masing;
- Membantu di dalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.4.3 Proses Penilaian

- Penilaian calon akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Semua penyertaan akan di nilai melalui dokumen sokongan seperti rekod penyiaran, salinan berita atau artikel serta dokumen lain yang berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pemohon dikehendaki memuatnaik dokumen seperti di lampiran C pada pautan yang disediakan pada *google form*.

3.5 KATEGORI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)

3.5.1 Anugerah ini diberikan kepada individu (perseorangan) yang sedang menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif atau yang setaraf serta telah menunjukkan pencapaian rekod yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan dan antarabangsa.

3.5.2 Kriteria utama penilaian adalah seperti berikut:

- Mematuhi semua perundangan Malaysia;
- Sedang menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif atau yang setaraf dan bertanggungjawab dalam semua urusan organisasi;
- Organisasi tidak pernah mengalami kemalangan maut termasuk penyakit perusahaan yang mengakibatkan maut atau hilang upaya yang tetap di sepanjang tahun 2022.
- Organisasi yang diterajui telah melaksanakan sepenuhnya sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan Sistem Pencapaian *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SoHELP)* dengan cemerlang di tempat kerja;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi serta terlibat secara langsung dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan organisasi seperti menyediakan peruntukan kewangan untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan setiap tahun, memberi latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyediakan peralatan keselamatan diri, menguruskan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan lain-lain yang berkaitan;

- Organisasi mendapat pengiktirafan persijilan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti OHSAS, OSHMS, dan lain-lain;
- Melaksanakan program *Corporate Social Responsibility (CSR)* dan program mentor-mentee berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap pekerja, masyarakat, industri, negara dan antarabangsa;
- Organisasi pernah menerima anugerah atau pengiktirafan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;
- Pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Pernah memberi sumbangan idea-idea yang bernas kepada negara dalam mempertingkatkan tahap Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan;
- Sedang atau pernah bergiat cergas dalam memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa;
- Menjadi penggerak (initiator) kepada program-program Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa; dan
- Mempunyai sijil kompetensi dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.5.3 Proses Penilaian

Penilaian calon akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

3.6 KATEGORI ANUGERAH TEKNOLOGI DAN INOVASI (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)

3.6.1 Anugerah ini diberikan bagi mengiktiraf penyelidik, syarikat atau organisasi yang telah mencapai kejayaan dalam menangani isu dan cabaran keselamatan dan Kesihatan dalam pendekatan atau kaedah yang baru dan moden dengan aplikasi secara teknologi dan inovasi.

3.6.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- Terbuka kepada pelbagai industri di Malaysia termasuk institusi pendidikan dan penyelidik;
- Menggunakan pendekatan inovasi dan teknologi dalam menangani isu Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja;
- Mengkaji, meneliti atau melaksanakan penyelesaian dengan hasil yang dapat diukur;
- Membangun keadah transformasi dalam masalah dan isu KKP yang dihadapi;
- Inovasi dan teknologi yang digunakan menghasilkan perubahan positif yang dapat ditunjukkan melalui penilaian;
- Penggunaan menunjukkan bahawa ia telah dilaksanakan dalam dua tahun kebelakangan atau sedang digunakan;
- Pendekatan inovasi dan teknologi mempunyai nilai "novelty";
- Mempunyai nilai kepada komuniti dan merancang langkah untuk berkongsi dengan pihak lain.

3.6.3 Proses Penilaian

- Penilaian calon akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Pemohon dikehendaki memuatnaik dokumen sokongan seperti di lampiran D pada pautan yang disediakan pada *google form*.

4.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Semua penyertaan adalah percuma.
- 4.2 Semua pencalonan mestilah menggunakan borang google (*google form*) Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 yang telah ditetapkan.
- 4.3 Borang google boleh didapati melalui pautan berikut :
<https://forms.gle/1KC8AtgMFZP8ccZd6>
- 4.4 Borang penyertaan hendaklah dilengkapkan dan dihantar secara talian sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.

5.0 KEPUTUSAN PENERIMA ANUGERAH

- 5.1 Penilaian terakhir bagi penerima anugerah akan diputuskan oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- 5.2 Semua keputusan penilaian adalah muktamad dan sulit. Sebarang permohonan rayuan tidak akan dipertimbangkan.
- 5.4 Pemenang-pemenang akan dimaklumkan secara lisan atau melalui surat/e-mel sebelum majlis tersebut.

6.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN


Semua borang penyertaan hendaklah di hantar secara talian sebelum atau pada 31 Disember 2022 (tertakluk kepada pindaan)

7.0 PERTANYAAN

Sekiranya ada pertanyaan, sila berhubung dengan pegawai berikut:

Setiausaha,
Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
(Kementerian Sumber Manusia)
Aras 5, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Telefon : +603-8000 8000
Faks : +603-8889 2354

- En. Muhammad Faisal bin Jusoh Tel: 03-8886 5265 E-mel : faisajusoh@mohr.gov.my
- En. Mohamed Haffis bin Mohossain Molla Tel: 03-8889 5264 E-mel : haffis@mohr.gov.my
- En. Anuksin a/l Eh Klim Tel: 03-8871 1241 E-mel : anuksin@mohr.gov.my
- En. Mat Zawawi bin Zakaria Tel: 03-8889 5264 E-mel : matzawawi@mohr.gov.my
- Pn. Nor Roslinda binti Mat Zan Tel: 03-8886 5696 E-mel : norroslinda@mohr.gov.my



ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2022

KRITERIA PENILAIAN

**(KATEGORI TEMPAT KERJA, MENTOR-MENTEE, SEKOLAH DAN
INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN))**

**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
d/a JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
ARAS 5, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.
TEL : 603-8886 5000
FAKS : 603-8889 2354**

1.0 Pemarkahan

Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 adalah berlandaskan prestasi pengurusan keselamatan dan kesihatan organisasi yang terlibat. Senarai semak audit telah dibangunkan berdasarkan elemen piawaian MS ISO 45001: Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan yang terdiri daripada 7 Elemen. Elemen ini terdiri daripada

- A) Konteks Organisasi
- B) Kepimpinan dan Penglibatan Pekerja
- C) Perancangan
- D) Sokongan
- E) Operasi
- F) Penilaian Prestasi dan:
- G) Penambahbaikan

Sebanyak 240 petunjuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) telah dibangunkan untuk dinilai bagi merangkumi 7 elemen seperti dijadual 1. Setiap petunjuk dalam senarai semak audit hendaklah dinilai dari 0 hingga 4 markah, dengan setiap penarafan mewakili jumlah pematuhan kepada keperluan atau jangkaan penunjuk. Taburan markah mengikut petunjuk adalah seperti jadual 2. Kriteria pemarkahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 1. Jumlah elemen dan petunjuk

Elemen	Petunjuk	Bil Petunjuk
A	Konteks Organisasi	
	A.1 Memahami Organisasi dan Koteksnya	1
	A.2 Memahami Keperluan dan Jangkaan Pekerja dan Pihak yang Berkepentingan	3
	A.3 Menentukan Skop Sistem Pengurusan KKP	5
	A.4 Sistem Pengurusan KKP dan Prosesnya	1
B	Kepimpinan dan Penglibatan Pekerja	
	B.1Kepimpinan dan Komitmen	14
	B.2Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	11
	B.3Peranan, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa Organisasi	5
	B.4Perundingan dan penglibatan pekerja	20
C	Perancangan	
	C.1 Tindakan untuk menangani risiko dan peluang	39
	C.2 Objektif KKP dan Perancangan untuk mencapainya	14
D	Sokongan	
	D.1 Sumber	1
	D.2 Kompetensi	3
	D.3 Kesedaran	6
	D.4 Komunikasi	10
	D.5 Dokumen dan Maklumat	10
E	Operasi	
	E.1 Operasi	28
F	Penilaian Prestasi	
	F.1 Pemantauan, pengukuran, analisa dan penilaian prestasi	17
	F.2 Audit Dalaman	7
	F.3 Semakan Pengurusan	24
G	Penambahbaikan	
	G.1 Am	1
	G.2 Insiden, Ketidakakuran dan tindakan penambahbaikan	14
	G.3 Penambahbaikan berterusan	6
	Jumlah Petunjuk	240

Jadual 2. Taburan markah mengikut petunjuk KKP

Element	Petunjuk	Jumlah Petunjuk	Markah	Jumlah Markah	Peratus(%)
A	Konteks Organisasi				
A1	Memahami Organisasi dan Koteksnya	1	4	40	4%
A2	Memahami Keperluan dan Jangkaan Pekerja dan Pihak yang Berkepentingan	3	12		
A3	Menentukan Skop Sistem Pengurusan KKP	5	20		
A4	Sistem Pengurusan KKP dan Prosesnya	1	4		
B	Kepimpinan dan Penglibatan Pekerja				
B1	Kepimpinan dan Komitmen	14	56	200	21%
B2	Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	11	44		
B2	Peranan, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa Organisasi	5	20		
B4	Perundingan dan penglibatan pekerja	20	80		
C	Perancangan				
C1	Tindakan untuk menangani risiko dan peluang	39	156	212	22%
C2	Objektif KKP dan Perancangan untuk mencapainya	14	56		
D	Sokongan				
D1	Sumber	1	4	120	13%
D2	Kompetensi	3	12		
D3	Kesedaran	6	24		
D4	Komunikasi	10	40		
D5	Dokumen dan Maklumat	10	40		
E	Operasi				
E1	Operasi	28	112	112	12%
F	Penilaian Prestasi				
F1	Pemantauan, pengukuran, analisa dan penilaian prestasi	17	68	192	20%
F2	Audit Dalaman	7	28		
F3	Semakan Pengurusan	24	96		
G	Penambahbaikan				
G1	Am	1	4	84	9%
G2	Insiden, Ketidakakuran dan tindakan penambahbaikan	14	56		
G2	Penambahbaikan berterusan	6	24		
	JUMLAH	240	960	960	100%

Jadual 3. Kriteria Pemarkahan

Markah	Kriteria	Peratus(%)
4	Elemen petunjuk didokumenkan dan membuktikan pelaksanaan kepada semua orang	75 – 100%
3	Elemen petunjuk didokumenkan dan pelaksanaan kepada sebahagian orang sahaja	51 – 74%
2	Elemen petunjuk tidak didokumenkan dan terdapat pelaksanaan kepada sebilangan orang	50%
1	Elemen petunjuk didokumenkan tetapi tidak dilaksanakan	1 – 49%
0	Elemen petunjuk tidak didokumenkan dan tidak dilaksanakan langsung	0%

Jadual 4. Tahap Pencapaian KKP dalam organisasi

Tahap	Markah
Tahap 10	90-100
Tahap 9	80-89
Tahap 8	70-79
Tahap 7	60-69
Tahap 6	50-59
Tahap 5	40-49
Tahap 4	30-39
Tahap 3	20-29
Tahap 2	10-19
Tahap 1	0-9

Jumlah markah akhir dan tahap pencapaian KKP dalam organisasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Markah keseluruhan akan dijumlahkan dan akan menentukan tahap pencapaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan di organisasi tersebut.



MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

DOKUMEN SOKONGAN BAGI

KATEGORI MEDIA

1. Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja.
2. Salinan minit Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi tahun 2022
3. Penglibatan secara langsung dalam liputan atau menyiarkan artikel, rencana atau liputan berita yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam Negara dan luar Negara.
4. Penglibatan secara langsung dalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan Pekerjaan di dalam Negara.
5. Membawa isu-isu yang berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di media massa atau mana mana platform media yang lain.



MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

DOKUMEN SOKONGAN BAGI

KATEGORI WARTAWAN

1. Biodata, latar belakang pendidikan dan maklumat berkaitan kerjaya.
2. Penglibatan secara langsung dalam liputan atau menerbitkan artikel, rencana atau liputan berita yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam Negara pada tahun 2022.
3. Penglibatan secara langsung dalam liputan atau menerbitkan artikel, rencana atau liputan berita yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di luar negara.
4. Penglibatan secara langsung dalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
5. Membawa isu-isu yang berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di media massa.



MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

DOKUMEN SOKONGAN BAGI KATEGORI ANUGERAH TEKNOLOGI DAN INOVASI (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN)

1. Menggunakan pendekatan inovasi dan teknologi dalam menangani isu Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja;
2. Mengkaji, meneliti atau melaksanakan penyelesaian inovasi dan teknologi dengan hasil yang dapat diukur;
3. Membangun keadah transformasi dalam masalah dan isu KKP yang dihadapi;
4. Inovasi dan teknologi yang digunakan menghasilkan perubahan positif yang dapat ditunjukkan melalui penilaian;
5. Penggunaan menunjukkan bahawa ia telah dilaksanakan dalam dua tahun kebelakangan atau sedang digunakan;
6. Pendekatan inovasi dan teknologi mempunyai nilai "novelty";
7. Mempunyai nilai kepada komuniti dan merancang langkah untuk berkongsi dengan pihak lain.

*Dokumen ini boleh dihantar dalam bentuk persembahan slide /artikel /lukisan /gambar atau apa apa format yang lain.